



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

#### **PEGAWAI PENYELIA MAKMAL (M.13-14 EB.15) KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

##### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PENYELIA MAKMAL**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Biomedical Science / Biochemistry / Biotechnology / Blood Transfusion / Cytology / Haematology / Histology / Immunology / Microbiology / Makmal Klinikal / Medical Technology / Sains Makmal / Virology* atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab mengetuai satu bahagian kecil dalam makmal berkenaan;
2. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan ujian diagnostik melalui pemeriksaan makmal dan tugas-tugas yang diarahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Ketua Pegawai Saintifik;
3. Bertanggungjawab memastikan kesempurnaan kajian makmal dengan mengawasi pengawalan mutu kajian makmal yang dikendalikan;
4. Bertanggungjawab memperbaharui atau memperbaiki atau memperkenalkan kajian makmal yang tertentu;
5. Bertanggungjawab menyediakan maklumat peperiksaan/ujian satu bahagian kecil makmal yang diketuainya untuk menghasilkan satu laporan bahagian tersebut;
6. Bertanggungjawab mengendalikan atau memberi latihan atau mengadakan seminar/kursus ulangkaji bagi Kakitangan Makmal, Jururawat, Merinyu Kesihatan serta penuntut-penuntut yang sedang menjalani latihan penempatan di bahagian makmal-makmal berkenaan;
7. Bertanggungjawab mengawasi kakitangan bawahan dalam membuat kerja pemeriksaan diagnostik harian, khas dan kecemasan;
8. Menyediakan laporan sulit / prestasi kerja bagi kakitangan bawahan; dan
9. Bertanggungjawab dalam pengurusan barang-barang keperluan dalam semua bahagian makmal diseluruh negara.